

---

Title	Kepengarangan Masuri S.N.
Author	Mana Sikana
Source	<i>Seminar Masuri S. N (2008), Singapura, 26 – 27 Julai 2008</i>

---

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

## **Kepegangaran Masuri S.N.**

### ***Mana Sikana***

*Universiti Teknologi Nanyang, Singapura*

Masuri S.N. sesungguhnya sinonim dengan sasterawan Singapura. Namanya dikenali sejak zaman Asas 50, dan sebatian dengan angkatan penulis yang tersohor itu. Situasi Singapura yang telah dibentuk oleh sejarahnya, istimewanya Asas 50 sendiri memberi penekanan kepada penulisan sajak, telah memberi jenama dan makna kepada genre tersebut. Semenjak Singapura merdeka, Singapura mempunyai jalur penyajaknya yang berbeza baik daripada aspek tekstual dan kontekstual serta pemikirannya. Faktor-faktor tersebut telah mempengaruhi sikap, aliran dan profil penulis terutamanya Masuri S.N. Medan kajian menumpukan kepada puisi yang menjadi genre pertamanya di samping cerpen, esei dan sebuah drama. Kertas kerja ini berdasarkan teksdealisme, cuba membincangkan kepegangaran dan pencapaiannya sebagai pengarang. Daripada sembilan buah kumpulan puisi dan puluhan antologi yang lain, tiga kumpulan cerpen dan lima buku esei Masuri S.N. akan dianalisis daripada aspek kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme bagi menyusuri pembinaan kepegangannya. Dalam analisis ini juga akan disentuh gerakan hayat teks-teks Masuri S.N. dalam konteks estetik resepsi yang dikaitkan dengan semangat zaman serta citra dokumentasi sosialnya. Analisis ini juga berhasrat tidak sahaja memperlihatkan kepegangannya, juga meneliti aspek generik dan tematologi teks-tèksnya untuk memperlihatkan kedudukannya di kalangan penulis Singapura

### **PENDAHULUAN**

Masuri S.N. sebuah kanon bagi sastera Singapura. Juga sinonim dengan Singapura. Malah, ada yang menyatakan, Masuri S.N. lebih terkenal daripada Singapura itu sendiri. Masuri S.N. memenuhi kriteria seperti yang dijelaskan oleh Aristotle, bahawa pengarang berkeupayaan mencipta kerana dianugerahi ilmu-ilmu magis yang menguasai epistemologi, logika dan metafizika. Sehingga di kemuncaknya, pengarang di mata masyarakat Yunani zaman itu hampir-hampir menyamai dewa donysios mereka, dan mencapai keagungan pengarang, sebagai *etcour og diseyins*.

### **MAQAM**

Masuri S.N. sebenarnya mempunyai pengaruh, yang ertinya memiliki karisma sehingga apa yang dihasilkan mempengaruhi pemikiran dan menguasai jiwa masyarakatnya. Ajaran, moral dan etika yang terungkap di dalam teks-teksnya diterima sebagai pemikiran yang menakluki jalan fikiran, bukan sahaja masyarakatnya, juga para pemimpin dan ahli ekonomi sezaman. Kepegangaran pengarang juga atas kepercayaan bahawa mereka adalah golongan terpandai dan memiliki daya taakulan yang ajaib.

Kedudukan Masuri S.N. juga tinggi di kalangan masyarakat Singapura. Pertama, berketrampilan dalam mengekspresi sesuatu dengan penguasaan bahasa yang kuat, berupaya mencipta gaya yang indah, bijak dalam wahana, kuat retoriknya dan mempesonakan. Kedua, memiliki sifat sebagai seorang ahli filosof; idea dan gagasannya tidak sahaja asli malah luar biasa hingga tidak pernah terfikirkan oleh masyarakatnya. Dan ketiga, memiliki ilmu yang tinggi sehingga pengarang membawa konsep kepustakaan,

muzium dan arkib ilmu dan dia ibarat kamus yang hidup. Ini meletakkannya sebagai gedung ilmu, yang boleh berbicara dalam pelbagai hal; dirinya pengumpul peribadi ekonomis, saintis, sosialis, historis dan sebagainya. Lalu meletakkannya sebagai orang yang kaya pengalaman, dan sesungguhnya pengalaman itu adalah ibu kepada diri pengarang.

Masuri S.N. dikatakan mempunyai kepekaan atau sensitiviti pengarang, sifat yang membezakannya dengan orang biasa. Semua manusia memiliki kepekaan, pengarang mempunyai wawasan dan daya taakulan. Wawasan membentuk peribadi pengarang untuk mentafsir apakah nasib dan arah masa hadapan bangsanya. Taakulan menjadikan dirinya berfikiran logik, berverifikasi dan berintuisi. Berfikiran logik bererti berfikir secara benar, rasional dan terkanun oleh sistem dan hukum daripada rumus-rumus akal sihat. Berverifikasi bermaksud sebagai apa yang diujahkannya mempunyai nilai dan ukuran pembuktian yang sah lagi valid. Sementara berintuisi mempunyai indera nilai rasa yang kreatif dan terlatih. Maka demikian, yang bernama sasterawan memiliki sifat seorang ahli filosof; sekurang-kurangnya dia seorang pemikir.

Pengarang juga manusia yang terlibat. Sifat keterlibatan pengarang, sama ada yang terlihat di dalam teks atau menerjunkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan, meletakkannya sebagai manusia yang komited atau iltizam.

Masuri dalam pandangan teksdealisme mempunyai kedudukan yang tinggi kerana menguasai etika normatif dan epistemologi nilai yang disokong oleh penguasaan teori definis serta bersifat kritis dan objektif. Etika normatif membolehkannya mengenal mana yang baik dan buruk, dan terikat oleh moral, keadilan dan ketepatan fikiran. Epistemologi nilai, ilmu yang dapat mengenal mana karya bermutu dengan yang rendah. Teori definis berkemampuan untuk meletakkan konsep, prinsip dan akhimya mendefinisikan apa yang dikaji. Sementara bersifat kritis menjadikannya seorang yang cukup waspada dan prihatin, sementara objektif pula menjadikan dapatannya empiris, iaitu tepat dan dapat diuji kebenarannya.

## **TEKSISME**

Masuri S.N. lebih dikenali melalui puisinya, inilah kesan yang dapat ditanggap apabila membicarakan sastera Singapura. Situasi ini telah dibentuk oleh sejarah, sebab Asas 50 sendiri memberi penekanan kepada penulisan sajak. Semenjak Singapura merdeka, Singapura mempunyai jalur penyajaknya tersendiri. Kedua-dua faktor tersebut telah mempengaruhi latar atau profil penulis Melayu, yang juga mempengaruhi pemikiran dan penulisan penulis tersebut. Selepas generasi perintis Asas 50 seperti Muhd Ariff Ahmad, Masuri S.N., Noor S.I. dan Suratman Markasan yang berpendidikan Melayu sepenuhnya, pada tahun 1960-an muncul golongan penulis berpendidikan Melayu tetapi mendapat pendidikan Inggeris sebagai bahasa kedua seperti Djamal Tukimin, Noor Hidayat, Yatiman Yusof, Mohd Latiff Mohammed, Nadiputra, Suraidi Sipan, Mohd Naim Daipi, Iswardi, Nurul-Ain Kudsi dan Hadijah Rahmat; segolongan penulis lagi yang berpendidikan pendidikan Inggeris penuh dan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, seperti A.Ghani Hamid, Rasiah Halil, Isa Kamari, Abdul Khalid Lani, Ahmad Mohd Tahir, Adlin Mosbit, Saeda Saad dan Alfian Saat. Di tengah-tengah barisan penulis sedemikian, Masuri S.N. tetap dapat mempertahankan dirinya sebagai penyair sasterawan nombor satu di Singapura, dan Masuri S.N. tetap disanjung sebagai penyair agung Singapura. Beliau telah menghasilkan 1000 buah kuntum sajak.

Masuri S.N., atau nama asalnya Masuri Bin Salikun, dilahirkan pada 11 Jun 1927 di Singapura. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Telok Kurau dan

Geylang dari tahun 1933 hingga 1940. Beliau menjadi guru pelatih di Singapura hingga tahun 1946. Dari tahun 1946 hingga 1949, beliau melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim, Perak. Sesudah lulus dari MPSI, Masuri pulang ke Singapura dan menjadi seorang pendidik, sementara pada sebelah malamnya mengikuti kelas bahasa Inggeris di Mercantile Institution dan C.Y.M.A College. Jawatan terakhirnya ialah guru besar sekolah rendah yang disandang dari tahun 1971 sehingga beliau bersara pada 12 Jun 1981.

Sajak terawalnya berjudul "Ros Kupuja", dan "Bunga Sakura" terbit di Singapura pada zaman pendudukan Jepun dalam akhbar Berita Malai, 5 September 1944. Beliau merupakan Ketua 1 Angkatan Sasterawan 50 sejak tahun 2001-2005. Masuri meninggal dunia pada 7 Disember 2005 di rumahnya di Singapura. Masuri tidak membataskan penulisannya pada puisi saja. Beliau juga cukup cemerlang dalam penulisan cerpen, kritik dan drama. Walaupun telah bersara, Masuri masih terus berkarya. Beliau pernah menjadi *Research Fellow* di Institut Pengajian Asia Tenggara (ISEAS) dari 1984 hingga 1985. Pada tahun berikutnya, Masuri mengikuti program penulisan antarabangsa selama tiga bulan di Universiti of Iowa, dan beliau dilantik menjadi *Honorary Fellow* dalam penulisan oleh universiti itu. Dari tahun 1991 hingga 1992, Masuri menjadi "Writer in Residence" di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura (NUS). Dalam kerjaya sepanjang lebih 50 tahun, Masuri S.N. mencerminkan kekayaan dan daya tahan sastera Melayu Singapura.

Sajak-sajak pertamanya "Bunga Sakura and Ros Kupuja" diterbitkan di *Berita Malai*, sebuah akhbar penjajahan pada tahun 1944. Masuri tidak membataskan penulisannya pada puisi sahaja. Beliau juga cukup cemerlang dalam penulisan cerpen, kritik dan drama.

### **Ros Yang Kupuja**

*Rose berkembang,  
Memerah garang,  
Jadi pujaan,  
Setiap insan.  
Disinari matahari,  
Kian berseri,  
Merekah wangi,  
Memikat hati.  
Jiwa pahlawan,  
memandang kembang,  
Ingin berjuang,  
Membela watan.  
Harum tak terkira,  
Runtuk menyesal,  
Bagaikan Satria,  
Pulang ke asal.*

Soalan.

Apakah yang sebenarnya telah mendesak Masuri menghasilkan 'Ros Yang Kupuja'? Cinta? Gelodak anak muda? Atau sekadar ada suara yang menggelegak dalam dada?

Jawapan.

"Saya fikir kerana gelodak hati anak muda. Tapi itu pun akibat keadaan perkembangan politik dan sosial pada waktu itu, iaitu pada zaman pendudukan Jepun. Saya lihat Jepun mengungkap atau mengagungkan supaya Asia ini kembali kepada bangsa Asia dan

kerana itu 'Ros Yang Kupuja' seolah-olah melambangkan kebangkitan semangat cintakan tanahair. Hampir semua puisi saya di waktu itu mengarah kepada cinta tanahair, cinta kepada ugama, bangsa dan nusa. Sebab semangat gelodak dan jiwa muda begitulah keadaannya dalam suasana pendudukan Jepun."

### **Bunga Sakura**

Baik di gunung, di kampong, di tanah lapang  
Sayup hingga penghabisan mata memandang  
Bunga Sakura makmur berkembang  
Jadi lambang semangat berjuang

Ah! Sukmaku ragu tertanya-tanya  
Apakah tak salah penglihatan  
Kabuskah atau awan  
Lantaran kembang mekar  
Bak kapas dibusar

Disinari matahari pagi  
Indah berseri menawan hati  
Ah! Bunga Sakura pujaan perwira  
Berkembangan semerbak ke mana-mana

Puisi-puisi yang dihasilkan pada tahun 1950-an, kita menyaksikan bahawa cenderung mengungkapkannya penderitaan rakyat; kemiskinan, kedaifan, kebobrokan sosial dan moral akibat teruk di bawah belunggu penjajahan menjadi pokok persoalan yang paling utama, yakni berjuang untuk kemerdekaan. Antara puisi itu ialah "Tiada Peduli" (1949), "Pandanglah Kami" (1951), "Kepada Manusia Baru" (1951), "Seribu Harapan" (1951).

### **Pandanglah Kami**

Pandanglah kami  
yang berkayuh di tengah laut  
dengan panas membakar raga  
kelihatan biasa saja  
untuk sesuap nasi  
perut yang mesti diisi hari-hari  
kami juga hidup tidak untuk sendiri

Pandanglah kami  
yang bekerja dengan penuh hati  
dalam kilang-kilang besi  
panas – berbahang sampai jadi lali  
sampai tidak peduli kisah hari-hari  
sedar siang malam cuma edaran masa  
pandanglah kami  
dengan apa yang kami beri

Pandanglah kami  
yang sengaja menjemur diri

dalam sawah lumpur berbaur  
 punya kawan dengan kerbau lembu  
 kerana kewajipan bukan untuk sendiri;  
 kami tidak minta jadi dewa-dewa  
 pandanglah kami  
 dengan apa yang kami beri

Pandanglah kami  
 yang tinggal dalam gubuk buruk hampir roboh  
 terselit di celah-celah gedung tinggi  
 tersisih tersepi-sepi  
 tidak kerana hukum mesti  
 kami adalah pekerja-pekerja tadi  
 pandang  
 pandanglah kami  
 dengan jiwa hidup  
 timbangan budi

#### IDEALISME PENGARANG

Diperturunkan di bawah ini beberapa buah pemikiran Masuri S.N.:

“Di sinilah terletaknya ‘perjuangan’ yang tidak habis-habis yang mesti ditempuh oleh setiap sasterawan yang ingin dapat menghasilkan karya sasteranya yang bermutu. Menyedari bahawa bahasa adalah satu-satunya alat sasterawan, maka setiap sasterawan sejati akan berusaha mati-matian untuk menulis bahasa yang jelas, tepat, padat dan yang bertenaga pula untuk mencabar intelek atau emosi pembaca.”

“Apa yang jelas ialah biar pun bahasa Melayu itu memang semulajadi akar budaya kita, yakni dasar kita hidup – tetapi kalau tidak diajar dan dipupuk sejak dari bayi lagi, anak bangsa dan warisan serta keturunan kita pada masa depan akan hanyut dalam arus bahasa dan budaya asing.”

“Sesungguhnya tiap-tiap kita yang menjadi anggota masyarakat, tidak mengira kedudukan dalam susun lapis, hendaklah sama-sama meluangkan masa memikirkan dan mencari ikhtiar agar para remaja kita sentiasa diutamakan dan diambil berat pertubuhan dan perkembangannya...

Dengan mengambil kira begini, para remaja kita tidak merasa diabaikan. Dan diharap golongan ini akan sedar, dengan peranan mereka untuk menjadi golongan yang bakal mewarisi tradisi, kepimpinan dan pembangunan umat yang lebih cerah, sekurang-kurangnya lebih baik dari yang kita hayati dan alami sekarang ini, insyaAllah.”

“Sastera dunia adalah sastera sejagat yang tidak mengenal batasan, bahasa, warna kulit dan sempadan. Sastera dunia adalah sastera umat manusia sejagat: Walaupun ditulis dalam berbagai-bagai bahasa tetapi ia tetap mengisikan *human experience*, iaitu tentang suka duka, hidup mati, lapar kenyangnya umat manusia.”

“Di sini jelas dalam setiap generasi dan zaman, sasterawan tidak boleh dicetak. Dia adalah bakat, adalah minat, adalah kemahuan yang terus-menerus untuk dapat menghasilkan sesuatu cipta sastera. Dia adalah manusia yang bernafas dan

bernyawa, yang memerlukan ilmu berterusan menuntut ilmu untuk dapat terus gigih berkarya.”

“Puncaknya – kita hendak melarikan diri (rohani) ke mana? Barangkali boleh melarikan diri (jasmani) belayar, menyelam laut dalam, mendaki gunung tinggi menembusi hutan belantara. Tetapi apakah ini semua akan menyelesaikan masalah? Duduknya ketenteraman kedamaian itu ada di dalam hati kita masing-masing.”

“Sasterawan sejati pada umumnya memiliki visi dan sikap hidup yang dinamis dan terbuka. Bersikap tenang, waspada, tapi tidak diam membeku. Kelihatan pada luaran seperti serius, tetapi di dalam jiwanya bergelora ombak yang tidak pernah berhenti melandai pantai. Bersikap rendah hati, tapi ‘tunduk kepala bukan minta dipijak’. Bersikap cuba menyuarakan hatinya, agar anggota masyarakatnya berdikari dalam menghadapi tentangan zaman yang dihadapinya, agar tidak lagi hidup ‘bagai kerakap tumbuh di batu!’ Inilah titik tolak perjuangan seorang sasterawan sejati, yakni dengan penuh semangat dan harapan agar masyarakatnya terus maju dan dapat mengatasi segala cabaran yang hendak menenggelamkan bahasa, sastera, budaya dan peradaban umat manusia.”

“Sambil menghayati dan sambil bekerja menyara hidup, seorang penulis kreatif yang berterusan menulis akan dapat memberikan sumbangan yang amat berharga kepada perkembangan sastera tanah air. Tidak usahlah direhatkan bakat. Keupayaan dan daya kreativiti yang ada dalam diri anda masing-masing itu janganlah ditangguhkan sehingga jadi orang tua yang berumur 60 tahun baru hendak berkarya.”

## PENGHASILAN

Di antara karya-karya yang diterbitkan ialah:

### Sajak

- 1958 *Awan Putih*. Singapura: Geliga Limited.
- 1961 *Puisi Baru Melayu 1942 - 1960* (antologi bersama). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 1962 *Warna Suasana*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- 1965 *Bunga Pahit*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- 1970 *Selagi Hayat Dikandung Badan*. Singapura: Pustaka Nasional.
- 1975 *Puncak Sembilan* (antologi bersama). Singapura: Pustaka Nasional.
- 1975 *Puisi-Puisi Nusantara* (antologi bersama). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 1984 *Dalam Makna*. Singapura: Badan Kesenian Melayu Singapura.
- 1987 *Singgah*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.
- 1989 *Puisi-Puisi Pilihan Masuri S. N.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 1995 *Mimpi Panjang Seorang Penyair*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 2003 *Suasana Senja*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.

### Kumpulan Cerpen

- 1960 *Lukisan Rasa*. Singapura: MPH.
- 1992 *Dunia Disebalik Dunia*. Singapura: Persama Enterprise.
- 1999 *Di Luar Dugaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Kumpulan Esei dan Kritikan

- 1965 *Sekitar Sajak dan Perkembangannya*. Singapura: MPH.  
 1970 *Puisi Moden*. Singapura: Pustaka Nasional.  
 1983 *Pengakuan dan Penghasilan Seorang Penulis*. Kuala Lumpur: Adabi Publication.  
 1998 *Sebibir Suara*. Singapura: Persatuan Wartawan Melayu.  
 1998 *Kreativiti dan Kemanusiaan Dalam Kesusasteraan*. Selangor: Fajar Bakti.

Berikut pula ialah sajak-sajak unggul yang dihasilkan sepanjang pengkaryanya.

- Di Senjakala* (1944);  
*Kampung Halaman* (1948);  
*Tiada Peduli* (1949);  
*Ini Nasi Yang Kusuap* (1958);  
*Kota Singaku* (1961);  
*Membaca Makna* (1986);  
*Anak Zaman* (1986);  
*Asing Tidak Asing* (1986).

**GENETIK AWAN PUTIH**

Pernah saya katakan bahawa zaman muda saya, iaitu sewaktu bersekolah, saya sangat suka membaca puisi-puisi Masuri S.N. Apabila dianjurkan pertandingan deklamasi puisi saya memilih sajak-sajaknya, seperti "Nyior Melambai". Saya ingat selama dua tahun saya menjadi johan dalam pertandingan tersebut dengan memilih puisi Masuri S.N. Malah kumpulan pertamanya, *Awan Putih*, telah saya lakukan kritikan, yang kemudiannya saya masukkan dalam buku sastera saya yang pertama diterbitkan tahun 1982, *Teras Sastera Melayu Moden*. Saya perturunkan tulisan saya itu.

Dalam hukum sastera, selalu apresiasi sering berbeda, justeru mudah saja ia dilonggokkan dengan kata-kata subjektif, sehingga kesubjektifan ini selalunya diambil peluang oleh orang-orang yang sebenarnya tidak mengenal sastera, boleh melakukan sesuatu pandangan dengan sebebasnya. Demikian dalam *Awan Putih* yang sudah berusia menjelang 25 tahun ini, selalu saja ditanggapi dari pandangan yang selalu berubah-ubah. Betapa pun, kita sedar perubahan juga disebabkan oleh daya apresiasi itu sendiri berubah menurut teori dan bentuknya.

Adalah suatu hal yang rasanya paling mudah untuk melihat tema *Awan Putih* ini. Masuri S.N. amat jelas tidak memperlihatkan penggunaan lambang-lambang yang personal sifatnya, yang memungkinkan pembaca dapat menanggapi persoalan temanya. Barangkali situasi ini sesuai pula dengan zamannya, di mana sajak baru menapak, unsur tradisi masih pekat dan khalayaknya dari masyarakat yang biasa.

Dari tiga bahagian antologi ini, menunjukkan adanya tiga variasi dalam pemilihan tema, dan ketiganya bersatu pula dalam mempermasalahkan persoalan yang sering digarap oleh Masuri. Sesuai dengan zamannya, di mana sajak dianggap sebagai muntahan perasaan dan romantisme masih kuat dianut di samping semangat perjuangan mula tumbuh, antologi ini memperlihatkan integrasi keperihalalan tersebut.

Masuri banyak bertolak dari alam. Dari alamiah itu mengesani jiwanya lalu diperkatakannya hal-hal yang berhubung dengan cinta, keindahan dan alegori kehidupan. Dengan perkataan lain, tema Masuri adalah akibat percikan pemerhatiannya tentang alam,



lalu dari situ menimbulkan mesej yang hendak dikemukakan. Sekurang-kurangnya ada enam sajak yang bersifat demikian dalam bahagian pertama. Kita lihat dalam "Senjakala":

*Tema "Awan Putih" Karya Masuri S.N.*

Sungguh nyaman buaian angin  
Membawa bisikan suara muazin  
Mengajak insan berjihad raga  
Mengabdikan kepada Tuhan yang Esa

Tema patriotisme juga menjadi garapan Masuri yang agak dominan dalam antologi ini, yang sekaligus dapat membayangkan semangat perjuangan tumbuh dalam jiwa anak muda ini. Dan memang jika dibandingkan dengan Usman Awang, ia kelihatan agak keras sedikit. Lihat saja:

Untuk Tanah Ayer hidup matiku  
Tiada lain tujuan ku ambil  
Jika terusek tumpah darahku  
Tiada ku nanti berjuang sabil.

Darah merah mengalir panas  
Belah dada ditembak peluru  
Kami pemuda senyum merekah  
Kerana bakti nyata tercurur.

Sajak "Nyiur Melambai" ini, pernah menjadi sajak yang sungguh popular di zamannya. Di samping itu, pemujaan kepada kekasih seperti dalam "Kesuma Hati" dan "Membela Nusa" dapat juga dilihat ia membayangkan kegelisahan Masuri diburu jiwa asmara. Keindahan alam dapat dilihat dalam "Sepantun Ombak Melambai" dan "Air Mengalir". Gambarnya yang indah dan harmonis terungkap dalam bahasa yang sederhana. Pada keseluruhannya, bahagian ini membayangkan keadaan tanggapan penyair mengenai masalah alam dan hubungan dengan dirinya.

Ada beberapa variasi tentang tema dalam bahagian kedua. Namun ia agak lebih sedikit radikal di sini, dan alam, meskipun masih digarap tetapi caranya sudah tidak lagi dibuai oleh keindahan melulu. Ia lebih menekankan kepada bakti dan perjuangan. Cinta yang diungkapkan juga dihubungkan dengan jasa yang harus disumbangkan.

Jika disaat dugaan akhir  
Menguji tabah hati mencuba  
Jika disaat dugaan akhir  
Menguji tabah hati mencuba  
Kita tahan derita getir  
Pastilah sudah mencapai jaya.

Stanza akhir "Dugaan Akhir" cukup jelas menggambarkan sikap penyair terhadap cita-cita hidup. Di stanza akhir "Tujuan Bakti" juga memperlihatkan tema yang sama:

Dengan tekun sabar dan tenang  
Bergulung udara panas sengsara

Usaha dan cinta baru berpegang  
Mendamba bahagia damai sentiasa.

Pada pemerhatian saya, tidak kurang tujuh buah sajak yang membawa hal yang sama. Selain dari itu, gambaran tentang alam semula jadi seperti dalam "Kampung Halaman", "Cahaya Baru", "Hari Petang" dan "Matahari" masih juga menjadi pemilihan yang dilanjutkan oleh pengarang. Barangkali inilah suatu sifat penyair yang lekas terharu dengan alam. "Pesanku", "Sama Sebangsa", "Untuk Bangsa" dan "Jasa" dapat difahami dari judulnya saja tentang pertemuan yang dikemukakan.

Dalam bahagian III pula, penyair semakin lantang dan keras. "Tiada Peduli" sebagai sajak yang pertama sudah membayangkan sikapnya yang keras:

Sekali ini aku tiada peduli  
Di atas dasar yang satu aku berdiri.

Jika dilihat satu persatu sajak yang terkumpul, adanya berbagai-bagai sifat, tetapi yang menonjol hanya tiga: pertama, perasaan pengarang terhadap perjuangan yang harus ditegakkan; kedua, gambaran-gambaran perasaan refleksi dari hidup atau pandangan; dan ketiga, gambaran-gambaran tentang berbagai keyakinan menghadapi masa depan.

Kalau hanya mengharap senang  
Mandi mewah bertabor urai  
Akan percuma menang berjuang  
Sedang hasilnya lenyap terberai.

Ini membuktikan perjuangan haruslah mempunyai strateginya supaya apa yang hendak dicapai itu berhasil dengan baiknya. Dari sajak "Tujuan Bakti" itu, Masuri menggariskan hal-hal yang patut menjadi pegangan pejuang. Tema yang sama dapat dilihat dari "Pesanku", "Milik Bersama", "Semua Menekan", "Pengakuan" dan lain-lain lagi yang nadanya bersifat berhati-hati dan sentiasa waspada. Dapat juga kita saksikan adanya sebagai bibit pemikiran, jika bukan falsafah, yang cuba diterapkan oleh Masuri. Ia melihat diri lalu dibuatnya sesuatu penilaian. Dari "Harga" kita diajukan:

Di mana harga  
Di rupa di gaya  
Lagak lalu darjat, bangsa  
Di mana harga.  
Apa harga  
Tidak ada harga:  
Kerana harga hanya buatan  
Di sini tidak ada kejujuran.

Kemudian di dalam "Manusia Kecewa", katanya di stanza akhir:

Lebornya seorang manusia  
Yang tiada dapat mengambil putusan  
Sampai saat penghabisan.

Jelas, saya kira, Masuri melemparkan suatu pemikiran untuk difikirkan oleh pembacanya. Sajak-sajak seperti ini dapat dilihat dari "Jemu", "Siapa?", "Tersembunyi", "Melampau" dan lain-lainnya, yang cuba mengungkap sesuatu hasil refleksi pemikiran, atau dapatlah dikatakan Masuri cuba bermain-main dengan falsafah. Sebagai penyair, Masuri juga mempunyai harapan dan optimis menghadapi masa depan. Dalam "Takut", diperlihatkan suatu hal yang sedikit pesimisi, namun ia yakin segala rintangan dapat diatasi. Dalam "Harapan" diungkapkan harapan datang dan jika dihadapi dengan baik apa yang dirancang akan berhasil.

Pada siapa kita minta bantu  
 Habok-habok debu sekarang bertaburan  
 Menghempas merapat maut tiada mau  
 Kita bergantung juga pada harapan.  
 Dalam "Membawa Hidup", ada semacam perasaan senang pula:

Tapi ada dengan semadi  
 Menyatu cipta sendiri bersunyi-sunyi  
 Alam keliling jadi kaku mati  
 Meramal-ramal hidup dengan menghitung-hitung jari.

Di samping itu terdapat juga tema-tema sampingan seperti perasaan cinta, benci yang universal dan gambaran tentang alam seperti "Ayer Bah", "Malam Sunyi" dan "Mencari Damai". Kita menyaksikan puisi zaman awalnya bernadakan patriotik, juga nasionalistik.

Masuri S.N. terus menghasilkan teks-teks puisi dari zaman ke zaman. Dan 1990-an, Singapura sama seperti di dunia lainnya memasuki zaman global, revolusi maklumat, dan IT yang berlaku di Eropah telah dengan cepat dirangkul Singapura sejak dahulu lagi. Dan 1990-an kita menyaksikan hal ini terjadi begitu hebatnya. Kehidupan budaya Singapura telah berubah daripada zaman pramerdeka. Cuba kita baca puisi-puisi zaman veterannya. Kita baca puisi-puisi zaman membangun itu.

### **Selamat pagi**

jabat tangan  
 angguk, mulai  
 hidup menggergaji  
 bersapa kebenaran  
 ya, saudara saya pun  
 mengangkat ucapan  
 "hari ini milik semua insan".

Apa tadi?  
 Saya lupa dan saudara sengaja  
 Menutup kebenaran  
 Berusung mayat baru lalu  
 Darah di jalan raya  
 Ambulance baru tadi  
 Ya, bila saya tak tampak  
 Di depan saya saudara terpaku

Puisi ini membawa nada bersahaja, sedikit prosaik, tetapi verifikasi dan majas tetap digunakan dengan teratur dengan makna sinis tentang hidup kini, yang kepuraan-kepuraan, melindungi kebenaran dan merasa bahawa hidup bergerak seadanya. Tetapi Masuri S.N. sedar hidup ini hanya sementara, melalui “Menghayati Malam Begini”:

Menghayati malam begini  
hati menjadi merendah  
tahu kejadianku dari debu tanah  
ditiupi roh suci oleh Allah.  
Maka begini mula mengerti  
bukan boleh kita bersikap tidak peduli  
hidup ini sekarang ini hanya sekedar  
singgah sementara menyiapkan bekal  
bakal nanti memasuki akhirat  
alam yang kekal.

Ini adalah puisi orang yang mengenal diri dan hakikat hidup ini. Merenung malam dengan rasa syahdu menyedarkan diri, semuanya adalah sementara, hidup yang abadi sedang menunggu di akhirat kelak. Puisi Masuri S.N. selamanya konteks dengan khalayaknya. Saya masih ingat sewaktu menyertai pertandingan deklamasi puisi di zaman persekolahan dulu saya memilih puisinya “Nyior Melambai” yang patriotik itu dan saya pun di peringkat awal selain daripada puisi Tongkat Warrant banyak membincangkan puisi Masuri S.N. yang menulis sesuai dengan zamannya (1983). Masuri S.N. banyak merujuk kepada alam dalam sajak-sajaknya. Ia mempamerkan yang alamiah itu dengan menghubungkan subjek cinta, keindahan dan alegori kehidupan. Dengan perkataan lain, subjektiviti Masuri S.N. adalah akibat pemerhatiannya tentang alam, lalu dari situ menimbulkan mesej yang hendak disampaikan. Bagaimanapun, pemikiran tentang patriotisme menjadi garapan utama Masuri S.N. yang sekaligus dapat membayangkan semangat perjuangan tumbuh dan subur dalam jiwa besarnya.

### MASURI S.N. DALAM CERPEN

Selain puisi, Masuri S.N. juga menulis cerpen. Bakatnya dalam prosa juga terserlah, tetapi tidak sekuat dalam puisi. Seperti dalam puisi, isi dan pemikiran cerpennya juga kuat dan menarik. Saya memilih sebuah cerpennya yang tersirat di Dewan Sastera tahun 1999 untuk melakukan kritikan dan melihat gaya kepengarangannya. Cerpennya berjudul “Perwatakan”.

Masuri S.N. dalam penulis cerpen ini masih memakai struktural-realistik, sesuai dengan tanah airnya ASAS '50; namun, teksnya larut dengan unsur fenomenologikal. Tegasnya, “Perwatakan” sebuah teks realistik, berstruktur, dan secara kronologis pula. Sebagai pengemuka ASAS '50, kita maklum realisme dianggap paling sempurna, kerana tiada *poetics fallacy* atau kepalsuan puitika di dalamnya. Ia lebih *representasional* dan lurus tatarannya. Teks ini segera mengingatkan kita ke tahun-tahun 60-an, lebih-lebih lagi sewaktu itu saya mula menulis cerpen; mencari idea, mengembangkan, memamatkan dan melakarkan unsur-unsur plot klasiknya daripada eksposisi lahir krisis, komplikasi, klimaks, dan antiklimaksnya. Nostalgia ini tidak bermaksud bagaimana mekanisme realistik hidup kembali dalam cerpen Masuri S.N., tetapi ingin menunjukkan bahawa semangat sesuatu

zaman mengalami semacam reinkarnasi dan sebagai manusia kita berhasil semula menakluk sejarah. Di sinilah teks realisme diaplikasikan oleh penyair besar ini.

"Mencari orang-orang yang sesuai untuk pementasan sebuah drama bukanlah senang"; itulah ayat pertama Masuri S.N., dan batin bacaan kita digerakkan dengan identifikasi Buntat yang tidak tegas dan kurang waspada dengan janjinya. Oleh itu, Buntat, bagi Masuri S.N., manusia yang naif dari segi *a priori* sosialnya, yang mengabaikan masyarakat dengan menjual harga dirinya. Urutan teks ini masih berskema triadik realisme: tesis, antitesis dan sintesis; pengemukaan idea, pembahasan+pembuktian dan penemuan dapatan. Buntat seorang yang kacau dan *chaos* pemikirannya, janjinya bagaikan perasaannya, tetapi ia masih dalam keuntungan; subjek ini dibuktikan dengan peristiwa percabangan yang dibatalkan kerana yang tertuduh menghilangkan diri. Unsur kelutan telah digunakan dengan sebaik-baiknya dalam memperkemas struktur realistiknya. Dan unsur kejutan juga dipakai dengan baiknya oleh Masuri S.N., sehingga kita yang telah terperangkap bersimpati terhadap Buntat akibat keceloparan janjinya untuk mengarahkan drama, akhirnya mengalami katarsis dengan pembatalan pementasan itu.

Dengan tema sosial, lelucon dan sedikit-sedikit dilematik, cerpen ini sememangnya memberi kesenangan. Di dalam berbicara tentang konsep nilai normatifnya, tergambar melalui aksi dan tindakan Buntat, bahawa orang yang meremehkan apa-apa yang diucapkannya selamanya akan dihadapakan masalah. Justeru itu, berfikirlah sebelum melakukan sesuatu. Akhlak Islamiyyahnya ialah mungkir janji ada tanda munafik. "Perwatakan" membuktikan bahasa sebuah teks realisme mempunyai tempat di dalam genre cerpendek, dan tidak khas untuk yang *avant-garde*, *arriere-garde* atau yang pascamodenistik dan yang hipermodenistik sahaja. Kalangan penulis kita, tertutamanya yang veteran, masih menyimpan kekuatan dan kepercayaan terhadap teks realistik; ini bererti cerpendek juga menuntut sumbangan mereka. Masuri S.N. telah membuktikannya, dan "Perwatakan" adalah contoh teks pendek yang boleh dibanggakan justeru unsur-unsur plotnya digunakan dengan berkesan. Cerpen Masuri S.N. membuktikan kepada kita bahawa penulis veteran yang taat dengan tradisinya tetap mempunyai keunggulan atau kalosnya. Masuri S.N. berpegang pada teks yang di dalamnya harus ada gagasan dan kejutan, sekali gus secara semiotikal mampu berbicara sebuah jargon politik kehidupan yang sosiologistik sifatnya. Dan berhasil menunjukkan kemampuan untuk mendirikan cerpendek *state* dalam empayar sastera kita.

## IDEALISTIK PENGARANG

Masuri S.N., seperti yang telah dinyatakan di atas, banyak juga menulis esei dan kemudiannya telah dibukukan. Esei-esei inilah yang banyak memuatkan pemikiran kesusasteraannya. Di sini saya cuba melihat salah sebuah pemikirannya tentang puisi. Antara lain katanya, "Apabila menyebut puisi moden, sajak, sekaligus terasakan perbezaannya dengan puisi tradisional seperti pantun, syair, gurindam, seloka dan seumpamanya. Namun demikian, dalam menjalani hidup pada zaman teknologi maklumat abad ini, kita umumnya masih dengan mudahnya dapat memahami puisi tradisional yang baru disebutkan tadi. Pada hal puisi tradisional adalah hasil puisi yang kita warisi dari datuk nenek kita sejak beratus bahkan mungkin beribu tahun yang lalu. Sebaliknya, puisi moden, sajak yang umurnya belum seabad dari sekarang, tetapi kita yang hidup pada zaman moden ini mendapati agak payah untuk menghayati, apatah lagi memahaminya."

Masuri S.N. menyatakan mengapa sajak tidak mendapat sambutan masyarakat, antara lain ia menyatakan tidak ada hubungan jiwa antara orang ramai dengan penyajak. Hal ini terjadi, mungkin juga kerana tidak ada seorang penyajak moden pun yang benar-benar berjaya mengetahui semua *feature physical* masyarakat kota industri yang moden yang dihayatinya. Sebaliknya, masyarakat sendiri pun tidak mengenal penyajak dalam erti kata yang sebenarnya.

Selain itu, penyajak moden pada umumnya tidak memberi objek-objek puitis yang diwarisinya dalam ciptaan sajak-sajaknya, tapi mungkin juga ia memang tidak mewarisi apa-apa kepada rakyat jelata. Oleh sebab itu dapatlah dikatakan bahawa penyajak moden gagal untuk dapat membimbing rakyat, iaitu bagaimana caranya rakyat mesti merasakan terhadap objek-objek dalam sajak ciptaannya. Hal ini mungkin kerana penyajak moden tidak mempunyai objek-objek puitis sama ada warisan atau pencariannya sendiri. Akibatnya, semua pengalamannya menjadi bahan puisinya yang potensial; ertinya, pengalaman penyajak yang cantik, juga pengalamannya yang jelek, menjadi bahan puisinya. Maka melalui pengalaman-pengalamannya itu tadi, penyajak moden kita berkarya.

Masuri S.N. juga menyatakan keadaannya tidak seluruhnya indah dan tidak pula seluruhnya mudah untuk difahami maknanya. Fikirkan sahajalah tentang kehidupan harian yang kita hayati sekarang ini. Berapalah yang sempat dan dapat kita fahami erti dan hakikat hidup kita yang sebenarnya? Maka puisi moden, sajak, yakni penyajak moden cuba memberi jawapannya, mungkin jawapannya separuh tepat, atau sipi-sipi, atau mungkin meleset langsung. Sajak adalah hasil perasaan, fikiran yang lebih dahulu telah dihayati, dialami serta melalui proses penciptaan oleh pencipta penyajak moden yang hidup sezaman dengan kita, merupakan suatu *affair* yang sangat sukar difahami. Bahkan rakyat, masyarakat pembaca sendiri pun sukar menumpukan mindanya kepada sajak, kerana pada anggapan mereka, intelek kita adalah semata-mata untuk sains dan matematik, sementara emosi sahajalah untuk sajak.

Penyair ini mempertanyakan siapakah yang patut dipersalahkan. Mungkin dasar pendidikan hari ini yang seolah-olah menjadikan otak dan intelek manusia berfikir khusus kepada kajian-kajian saintifik semata. Pada hal untuk memahami sajak ia harus memerlukan penyertaan yang langsung dan aktif daripada tiap-tiap diri seorang manusia. Akibatnya, lalu timbul tanggapan: Apakah dengan berbaring-baring di tepi pantai, di kasur, kita boleh memahami sajak? Pun waktu kita belajar sajak di sekolah, biasanya kita menerima saja. Tak ada respon dari dalam batin diri kita? Bagaimana kita boleh memahami puisi moden, seolah-olah dengan menepuk sebelah tangan sahaja? Jelasnya, sajak, bukanlah seluruhnya 'pengalaman perasaan' melulu. Ertinya, selepas membaca sebuah sajak, kita berasa terharu, sedih, menangis tersedu-sedu; suka, marah, geram, tertawa dan sebagainya.

Masuri S.N. mempunyai falsafah penulisannya. Di antaranya ialah sastera dicipta untuk manusia; bukan manusia dicipta untuk sastera. Sastera dunia adalah sastera sejagat yang tidak mengenal batasan, bahasa, warna kulit dan sempadan. Sastera dunia adalah sastera umat manusia sejagat: Walaupun ditulis dalam berbagai-bagai bahasa tetapi ia tetap mengisikan human *experience*, iaitu tentang suka duka, hidup mati, lapar kenyangnya umat manusia. Pada umumnya, yang dimaksud dengan kesusasteraan ialah hasil penulisan kreatif seperti sajak, cerpen, novel dan dihasilkan oleh para sasterawan. Kesusasteraan berbeza dengan yang bukan kreatif, yang lebih cenderung kepada fakta. Sastera lebih dekat kepada imaginasi. Kesusasteraan ialah karangan bernilai seni (baik yang berbentuk prosa atau puisi). Ia digubah oleh sasterawan dengan menggunakan

bahasa yang indah, terpilih, mengharukan dan mengandungi isi fikiran atau idea yang bermakna.

Dalam perkara ini, jika kita menggunakan bahasa atau perkataan yang maksudnya berbeza daripada kamus, maka kita akan dianggap telah menyalahgunakan bahasa. Sebaliknya, bahasa sajak yang digunakan oleh seorang penyajak adalah bahasa imaginatif; bahasa intuitif dan bahasa sensitif. Ertinya, bahasa sajak berasal daripada bawah sedar. Jelasnya bahasa yang digunakan oleh seorang penyajak tidak dapat direncanakan lebih dahulu (tidak seperti bahasa biasa). Ia lahir secara spontan. Bahasa sajak tidak terkongkong oleh makna yang jelas, yang tunduk, seperti yang termaktub dalam kamus. Kesimpulannya, walaupun bahasa sajak digunakan oleh para penyajak, pada hakikatnya itulah juga bahasa yang kita gunakan sehari-hari dalam pergaulan hidup, tetapi terdapat juga perbezaannya. Yakni cara menggunakannya.

Masuri S.N. berpegang pada kenyataan; menulis adalah perjuangan yang tidak habis-habis yang mesti ditempuh oleh setiap sasterawan yang ingin dapat terus menghasilkan karya sasteranya yang bermutu. Menyedari bahawa bahasa adalah satu-satunya alat sasterawan, maka setiap sasterawan sejati akan berusaha mati-matian untuk menulis bahasa yang jelas, tepat, padat dan yang bertenaga pula untuk mencabar intelek atau emosi pembaca. Sebaliknya, para sasterawan pada umumnya akan berasa lemas dan hampir-hampir tidak dapat bernafas, jika mereka awal-awal lagi berasa terikat ketat dengan hukum-hukum tatabahasa yang tidak boleh lagi diganggu-gugat di tengah-tengah masyarakat mereka. Kerana, untuk menghasilkan sesuatu karya sastera yang bermutu, sasterawan harus bebas berfikir dan bebas menggunakan bahasa dengan caranya yang tersendiri. Dalam keadaan demikian, ia kadang-kadang tidak mempedulikan tatabahasa dan tatasusila masyarakat. Sehingga ada anggapan seolah-olah sasterawan boleh menulis dengan menggunakan bahasa sesuka hatinya dan bermaharajalela pula!

Ada penulis kreatif merasa kalau beliau membaca karya-karya penulis lainnya, beliau mungkin terkesan, terkena pengaruhnya. Jadi bagaimana beliau dapat menghasilkan karya besar, jika asyik-asyik membaca karya sastera pengarang lain? Mahu beliau sendiri membuat penerokaan jiwa, mendalami persoalan yang ditempuhnya, kemudian menemukan sendiri hasilnya, yang tidak semestinya selesai atau sempurna. Beliau mungkin juga tidak mahu membaca karya penulis-penulis lain kerana merasa dirinya sudah besar dan hebat. Atau khuatir kalau membaca karya penulis lain, ia akan terasa kekecilan dirinya? Ini semua kemungkinan sahajakah? Di sini jelas dalam setiap generasi dan zaman, sasterawan tidak boleh dicetak. Dia adalah bakat, adalah minat, adalah kemahuan yang terus-menerus untuk dapat menghasilkan sesuatu cipta sastera. Dia adalah manusia, bernafas dan bernyawa, yang memerlukan ilmu dan berterusan menuntut ilmu untuk dapat terus gigih berkarya.

Cara dan gaya hidup yang amat sederhana menyebabkan banyak ibu bapa kita waktu itu tidak merasa perlu menghantar anak-anaknya belajar di sekolah. Masyarakat Melayu, walaupun pada hakikatnya hidup di kota, tetapi pada masa itu masih kekal hidup berkampung, berkumpul dan bergaul antara kaum sendiri hingga memungkinkan mereka hidup dalam lingkungan adat, budaya Melayu yang berteraskan agama Islam, tanpa ada gangguan dan pengaruh luaran. Oleh kerana keadaan hidupnya tenang dan melihat jiran-jiran sekampung hampir-hampir sahaja taraf hidupnya, serupa dan sekata – baik mengenai keadaan perumahannya, kesekitarannya, kekayaan harta bendanya – maka tidaklah timbul semangat atau

dinamika hidup untuk berebut-rebut, berlumba-lumba untuk mendapat kesenangan, apa lagi kemewahan hidup.

Mengenai kedudukan Bahasa Melayu, Masuri S.N. berpendapat ia mesti dipelajari sejak dari kecil, mesti terus-menerus dihayati secukup-secukupnya, baik mengenai cara menggunakannya dalam pertuturan betul dan penulisannya yang sempurna. Dalam hal ini kita tidak perlu mengkaji jauh-jauh. Bukan sedikit orang yang bukan asalnya berbangsa Melayu dan berketurunan Melayu, tetapi mahir, pandai bertutur dan menulis bahasa dalam Melayu. Malah ramai yang menjadi pakar bahasa Melayu. Ini berlaku kerana mereka mempelajari, mengkaji sedalam-dalamnya dengan penuh kecintaan terhadap bahasa Melayu. Apa yang jelas ialah biar pun bahasa Melayu itu memang semulajadi akar budaya kita, yakni dasar kita hidup, tetapi kalau tidak diajar dan dipupuk sejak dari bayi lagi, anak bangsa dan warisan serta keturunan kita pada masa depan akan hanyut dalam arus bahasa dan budaya asing. Kerana beranggapan 'bahasa boleh diwariskan' inilah barangkali yang menyebabkan anak Melayu kita sejak dari bayi lagi kini sudah pun diajar, dididik dalam bahasa Inggeris.

Dengan perkataan lain, kita tidak akan menemui suara-suara dari atasan yang sering sekadar lebih banyak tahunya meminta itu dan ini, mengikut cita rasa dan ideanya semata-mata, tanpa lebih dahulu memikirkan bagaimana sebenarnya keadaan orang-orang dan golongan rakyat bawahan yang hendak dipimpin dan diarahkannya. Walau bagaimanapun, perkara ini bukanlah merupakan suatu kepastian. Ertinya, bukan tidak mungkin orang yang pernah merasai pahit maungnya kehidupan itu pada zaman kanak-kanaknya dan zaman remajanya akan berubah sekali sikapnya bila dia mencapai kejayaan dan mempunyai kedudukan dan kekuasaan untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan suara batinnya bila ia dewasa kelak. Tetapi bila sahaja penjajah-penjajah Barat (Portugis, Belanda, Inggeris) yang pada mulanya bermaksud sekadar untuk berniaga, tetapi ternyata kemudiannya setapak demi setapak dapat memijak bukan sahaja tanah, bumi, tetapi juga memijak leher bahasa, sastera dan budaya Melayu. Apakah dasar asuhan dan didikan asas yang diterima oleh seorang kanak-kanak itu ketika di rumah bersama ibu bapanya bercanggah atau tidak dengan didikan yang diterimanya ketika dia mulai bersekolah hanya disedari penuh oleh kanak-kanak itu sendiri. Puncaknya - kita hendak melarikan diri (rohani) ke mana? Barangkali boleh melarikan diri (jasmani) belayar, menyelam laut dalam, mendaki gunung tinggi, menembusi hutan belantara. Tetapi apakah ini semua akan menyelesaikan masalah?

Duduknya ketenteraman, kedamaian itu ada di dalam hati kita masing-masing. Sebaliknya kalau kita berfikiran dan berpandangan positif dalam kehidupan, berani, tidak lari dari kehidupan, maka kita menjadi kaya dengan pengalaman pahit dan manis yang memang semulajadi menjadi asam garam kehidupan. Kita pun akan muncul menjadi manusia yang matang dalam serba-serbi dan dapat mengatasi apa sahaja masalah yang kita hadapi dengan tenang. Kita pun perlahan-lahan menjadi seorang manusia yang berjiwa tabah dan beristiqamah. Maka kepercayaan kita kepada manusia dan kemanusiaan bertambah kukuh sekaligus memegang tali Allah, kerana daripadaNya kita datang dan kepadaNya; kita pulang (Mohamed Pitchhay Gani Mohamed Abdul Aziz, 2004: 234-238).

## **INDIVIDUALISME MASURI**

Meskipun Masuri menghasilkan cerpen dan esei, namun tanah airnya ialah puisi. Dan sebuah puisi yang sangat sinonim dengannya ialah:



**Ini Nasi yang Kusuap**

Ini nasi yang kusuap  
 Pernah sekali menjadi padi harap,  
 Melintuk dipuput angin pokoknya kerap  
 Tenang berisi tunduk menatap.

Ini butir nasi yang kukunyah  
 Sedang kutelan melalui tekak basah,  
 Jadi dari darah mengalir  
 Dalam badan gerak berakhir.

Angin kencang mentari khatulistiwa  
 Membakar raga petani di sawah  
 Panas hujan dan tenaga masuk kira  
 Dan nasi yang kusuap campuran dari semua.

Ini budi yang kusambut  
 Pemberian lumrah beranting dan bertaut,  
 Ini nasi hasil dari kerja  
 Kembali pada sesiapa yang patut menerima.

Jadi yang kumakan bukan berasal dari nasi  
 Tapi peluh, darah dalam isi mengalir pasti,  
 Jadi yang kutelan bukan berasal dari padi  
 Tapi dari urat dari nadi seluruh Pak Tani.

Dan puisi Masuri itu pun selalu dikaitkan dengan puisi di bawah ini. Macam-macam yang disebut; yang penting, ia adalah sebuah metateks, parodi dan intertekstual.

*This bread I break was once the oat,  
 This wine upon a foreign tree  
 Plunged in its fruit;  
 Man in the day or wind at night  
 Laid the crops low, broke the grape's joy.*

*Once in this wine the summer blood  
 Knocked in the flesh that decked the vine,  
 Once in this bread  
 The oat was merry in the wind;  
 Man broke the sun, pulled the wind down.*

*This flesh you break, this blood you let  
 Make desolation in the vein,  
 Were oat and grape  
 Born of the sensual root and sap;  
 My wine you drink, my bread you snap.*

(Dylan Thomas, 1937)

Bagaimana kalau kita membaca puisi terakhirnya?

**Muhasabah Diri**

Aku Bukan Pengembara  
Aku bukan pengembara  
ke lembah-lembah sunyi  
merayau-rayau dalam mimpi  
gelisah tiada pegangan  
hingga dikatakan  
aku tidak berbuat  
apa yang kukatakan.  
Aku tidak berkata  
bersihku seperti alam semesta  
kekuranganku kuakui  
kemanusiaanku kubersih  
jalan inilah menjadi tujuanku  
sehingga selesai usiaku diberhenti  
kembali kepada-Mu  
Allahurabbi.

Kembali kepada-Nya

Sepi yang bagaimana  
macamnya kau tidak tahu  
mengajar jiwa  
kenal kepada makna  
menyapa kehidupan  
sekali sekali bertanya  
tidak tertakluk  
kepada mata benda  
maka makin merenung jauh  
mencari keredaan  
dalam segala tindakan:  
itulah dalam diri  
hatiku bersapa selalu  
dalam kesibukan  
menjadi tahu  
ada saat-saat  
untuk bertafakkur  
ke liang kubur.

Pada keseluruhannya, sajak Masuri dari segi isinya adalah realistik dan bahasanya mudah difahami. Beliau ternyata tidak tenggelam dalam keghairahan untuk membawa pelbagai percubaan ke arah pembaharuan teknik. Sejak permulaan hingga 1980-an, penulisan beliau lebih cenderung kepada pernyataan pemikiran secara tegas dan berkesan.

Keterlibatan Masuri dalam dunia penulisan puisi merupakan suatu tugas bangsa dan nusa yang amat menebal dalam dirinya. Selagi hayat dikandung badan, beliau akan terus mencipta, akan terus berkarya selagi termampu. Latar masa dan suasana yang berubah-ubah

bukanlah halangan atau tembok yang menyekat beliau daripada membuat pengucapan. Masuri akan terus mencipta dan mencipta selagi bakat kepenyairannya, sensitivitinya menanggapi kehidupan belum tanggal dari tubuhnya. Begitulah falsafah kepenyairannya.

Di penghujung hayatnya beliau masih menyatakan:

*Apakah sekarang kau masih bersuara  
memikirkan hidupmu masih memberi makna  
kenapa terasa sepi sayup-sayup memilu  
ke jalanan jauh masih datang menyerbu*

*Biarkan detik ini menjadi saksi  
Tulisan hatimu terus berkata-kata lagi  
Syukur masih sihat fikiran masih segar  
Allah pengasih masih memberimu usia  
Meneruskan sisa hayatmu dalam taqwa dan redha*

Beberapa tanggapan kepengarangannya:

- Mencapai kekuatan dan kematangan isi;
- Mengutamakan pernyataan pemikiran tegas lagi berkesan;
- Mempunyai kemandirian teknik dan penyampaiannya sejak tahun 50-an;
- Berjaya mengekalkan falsafah penulisannya sejak bermula hingga ke akhir hayat; bukan sekadar menulis, apatah lagi untuk nama atau harta tetapi kerana bangsa yang amat beliau banggakan dan sayangkan iaitu bangsa Melayu;
- Terpancar cerminan pemikiran mendalam serta bersungguh dalam:
  - (a) memperjuangkan hak bangsanya, (b) menyuarakan kelemahan masyarakat, dan
  - (c) membangkitkan semangat kebangsaan;
- Puisinya adalah lambang sifat peribadi yang serius dan mendalam serta sentiasa peka pada tanggung-jawab insan.

## PENCAPAIAN

Sumbangan Masuri S.N. kepada perkembangan puisi di Malaysia dan Singapura tidak payah dipertikaikan lagi. Dengan kegiatannyalah maka minat terhadap puisi di Tanah Air kita itu berkembang semerbak sesudah perang. Bentuk sajak itu tumbuh dengan pesatnya dan mencapai pengaruh yang di dalam beberapa hal dapat dibandingkan dengan pengaruh pantun pada zaman lampau. Dan sajak di dalam tangan Masuri berkembang menjadi satu bentuk yang tersendiri, dengan sifat-sifat dan sikap-sikap yang tersendiri, terlepas daripada model yang aslinya dari Indonesia. Sumbangan Masuri kepada perkembangan puisi di Malaysia dan Singapura sesungguhnya tidak kurang pentingnya seperti sumbangan Amir Hamzah dan Chairil Anwar kepada perkembangan puisi di Indonesia. Tahun 1995 merupakan puncak pencapaian untuk Masuri S.N. sebagai penyajak, penulis dan pengkritik sastera apabila Masuri dikurniakan dengan pelbagai hadiah dan anugerah:

Hadiah dan Anugerah

1963 Bintang Bakti Masyarakat (BBM), Pemerintah Singapura

1974 Hadiah Pertama (esei sastera) Majlis Pusat Singapura

- 1979 Hadiah Pertama (sajak) Majlis Pusat Singapura
- 1980 Southeast Asia Write Award, Bangkok
- 1990 National Book Development Council of Singapore (poetry award) First Prize.
- 1995 Anugerah Tun Seri Lanang, Majlis Bahasa Melayu Singapura
- 1995 Asean Cultural Award (Literature)
- 1995 Anugerah Persuratan (esei sastera), Majlis Bahasa Melayu Singapura. 1995 Anugerah Pencapaian Cemerlang (50 tahun pencapaian persuratan), Singapore Muslim Community
- 1996 Literary Award, Mont Blanc (recognition for contribution to Singapore Malay literature), Centre for the Arts, National University Singapore
- 1997 Anugerah Persuratan (cerpen), Majlis Bahasa Melayu Singapura
- 2000 Pingat Jasa Gemilang, Pemerintah Singapura
- 2002 Anugerah Suluh Budiman, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- 2002 Anugerah Dharma Bakti, GAPENA
- 2002 Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- 2005 Hadiah Sastera (Penghargaan) MBMS: Sajak *Siapakah Yang Dapat Menewaskan*
- 2005 Hadiah Sastera (Penghargaan) MBMS: Antologi Sajak *Suasana Senja*
- 2005 Anugerah Kencana Asas '50 bagi sumbangan selama 55 tahun selaku Anggota Pengasas

## KESIMPULAN

Begitulah Masuri S.N. yang pada awalnya terkenal dengan nada patriotik dan melankolik, kemudian berubah optimistik, pertengahannya bersifat kritis, dan akhirnya terasa melodramatik; namun beliau seorang yang sangat merendahkan dirinya. Kata-katanya masih kita ingat: "*Semua manusia ada kelebihanannya. Cikgu sekadar memperjuangkan apa yang patut. Tiada siapa yang lebih tinggi dari Allah.*" Sesungguhnya Masuri S.N. adalah sasterawan besar Singapura yang mengikat keserantauan, dan penyukat hubungan kemelayuan di Nusantara. Kehilangannya bagaikan putusnya benang sutera kesaudaraan.

## Bibliografi

- Mana Sikana, 1983. *Teras Sastera Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana.
- Mana Sikana, 2007. *Tokoh-Tokoh Unggul dalam Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Karya.
- Masuri S.N., 1989. *Puisi-puisi Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masuri S.N., 1995. *Mimpi Panjang Seorang Penyair*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masuri S.N., 1998. *Sebibir Suara, Kumpulan Esei dan Cerpen 1989-1994*. Singapura: Persatuan Wartawan Melayu Singapura.
- Masuri S.N., 2003. *Suasana Senja: Kumpulan Sajak 1995-2001*. Singapura: Angkatan Sasterawan '50, Singapura.
- Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz (Ed.), 2006. Masuri S.N. *Dalam Merenung Dalam*, Kumpulan Esei dan Kritikan 1977-2005, Angkatan Sasterawan '50, Singapura.